



01 JUL, 2021

Jual raja buah secara dalam talian elak guna orang tengah

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 3

Jual raja buah secara dalam talian elak guna orang tengah

KANGAR: Sejak penularan pandemik Covid-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac tahun lepas, lebih ramai peniaga yang menggunakan platform media sosial untuk memasarkan produk mereka termasuk peniaga durian.

Seorang pekebun durian di Wang Gunung dekat Bintangor, Musa Nayan, 66, berkata beliau memilih untuk memasarkan durian secara dalam talian kerana lebih mudah berurusan sendiri dengan pelanggan tanpa bergantung kepada pemborong.

"Pakcik rasa lebih puas dapat pasarkan sendiri hasil titik peluh kerana ia lebih menguntungkan dan dapat dijual dengan harga lebih murah kepada pelanggan," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

"Setiap hari ada sahaja yang membuat pembelian secara dalam talian, anak pak cik yang uruskan menerusi telefon bimbitnya," kata pesara kerajaan itu yang turut dikenali dengan panggilan Pak Andak.

Bapa kepada lima anak itu berkata, pada mulanya beliau



PEKEBUN durian Musa Nayan, 66, menunjukkan antara buah durian yang terbaik di dusunnya ketika tinjauan Bernama di sekitar Wang Gunung di Perlis. Sejak penularan pandemik Covid-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac tahun lepas, lebih ramai peniaga yang cenderung menggunakan platform media sosial untuk memasarkan produk mereka termasuk peniaga durian. Begitu juga Musa yang turut memilih untuk memasarkan durian secara dalam talian kerana lebih mudah berurusan sendiri dengan pelanggan tanpa bergantung kepada pemborong. Beliau yang mempunyai kebun seluas 1.618 hektar berkata, terdapat tiga jenis durian di kebunnya iaitu durian kampung, jenis IOI (D168) dan juga Musang King. • Foto BERNAMA

hanya menanam pokok durian untuk anak cucunya,

namun apabila harga durian

mengusahakan tanaman itu muja meningkat beliau kini secara serius.

Musa yang mempunyai kebun seluas 1.618 hektar berkata, terdapat tiga jenis durian di kebunnya iaitu durian kampung, jenis IOI (D168) dan juga Musang King.

Bagi Nordin Salleh, 64, turut menggunakan medium yang sama untuk menjual durian selain menjual secara terus kepada pelanggan di hadapan kebunnya untuk mengekalkan berlaku lambakan raja buah itu.

"Saya hanya jual durian bila ada lebihan sahaja dan utamakan untuk keluarga terlebih dahulu dan kebanyakannya adalah durian jenis kampung."

"Pak cik tengah usaha untuk dapat kebenaran menjual hasil durian daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi membuka gerai jualan durian," katanya yang mempunyai kebun seluas 0.809 hektar.


Bapa kepada empat anak itu berkata, durian Perlis mempunyai rasa berbeza daripada durian tempat lain kerana rasanya lebih manis dan mempunyai aroma yang lebih wangi mungkin disebabkan faktor tanah dan cuaca di sini. - Bernama

01 JUL, 2021


Jual raja buah secara dalam talian elak guna orang tengah

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 3



KAWASAN kebun durian milik Nordin Salleh di kawasan Wang Gunung di sini. Nordin yang mempunyai kebun seluas 0.809 hektar itu berkata, beliau hanya menjual durian apabila ada lebihan sahaja kerana lebih mengutamakan raja buah itu untuk dijamah bersama keluarga. Tambahan, beliau tengah berusaha bagi mendapatkan kebenaran menjual hasil durian daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi membuka gerai jualan durian kelak. • Foto BERNAMA



01 JUL, 2021

Jual raja buah secara dalam talian elak guna orang tengah

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

KANGAR: Sejak penularan pandemik Covid-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac tahun lepas, lebih ramai peniaga yang menggunakan platform media sosial untuk memasarkan produk mereka termasuk peniaga durian. Seorang pekebun durian di Wang Gunung dekat Bintong, Musa Nayan, 66, berkata beliau memilih untuk memasarkan durian secara dalam talian kerana lebih mudah berurusan sendiri dengan pelanggan tanpa bergantung kepada pemberong.